

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Caruman Sukarela Insentif Suri atau i-Suri adalah program baharu Kerajaan yang diperkenalkan khas untuk golongan wanita telah dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dan mula berkuat kuasa serta dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos 2018. Kumpulan sasar yang layak mendaftar i-Suri adalah wanita yang memenuhi kriteria kelayakan iaitu mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan belum mencapai 60 tahun semasa pendaftaran dan berdaftar dengan Pangkalan Data Kemiskinan Nasional (eKasih) sehingga 30 November 2018.

Sehingga 15 September 2019, seramai 125,067 (38.92%) telah mendaftar inisiatif i-Suri daripada jumlah suri rumah yang layak iaitu 321,313 (berdasarkan data eKasih sehingga 30 November 2018). Daripada jumlah tersebut seramai 98,619 peserta telah mencarum secara konsisten dari bulan Ogos 2018 hingga September 2019.

Jadual 1 menunjukkan bilangan pendaftaran dan pencaruman peserta mengikut negeri.

Negeri	Bil. Peserta eKasih	Bilangan Pendaftaran i-Suri	Bilangan Caruman i-suri
Sarawak	65,622	21,032	16,461
Kelantan	55,828	21,378	17,185
Sabah	43,471	15,675	11,740
Terengganu	28,830	18,820	16,442
Selangor	21,386	4,305	2,897
Perak	20,627	6,397	4,418
Kedah	16,470	7,005	6,093
Pulau Pinang	14,242	5,254	3,731
Johor	11,481	3,555	2,952
Pahang	11,131	4,567	3,467
Melaka	9,335	2,383	1,973
Negeri Sembilan	8,567	2,160	1,522

Negeri	Bil. Peserta eKasih	Bilangan Pendaftaran i-Suri	Bilangan Caruman i-suri
Perlis	7,943	3,112	2,558
WP Kuala Lumpur	6,380	1,437	1,046
Mobile team	-	7,987	6,134
<b>Jumlah keseluruhan</b>		<b>125,067</b>	<b>98,619</b>

**Jadual 1: Bilangan Pendaftaran dan Pencaruman Peserta mengikut Negeri sehingga 15 September 2019**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah meletakkan sasaran pendaftaran seramai 100,000 orang suri rumah. Bagi menggalakkan pendaftaran i-Suri dalam kalangan wanita dan suri rumah yang memenuhi kriteria kelayakan, Kementerian melalui Agensi Pelaksana iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama Rakan Strategik seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) terus aktif mempromosikan i-Suri melalui *mobile team* oleh kwsp, aktiviti PACBE JPW, program *outreach* JKM dan *outreach* AIM serta promosi media yang dilihat amat membantu dalam memberikan pendedahan mengenai i-Suri kepada kumpulan sasar dan seterusnya meningkatkan jumlah pendaftaran dalam kalangan wanita yang layak dan memenuhi kriteria.

Sehingga 15 September 2019, KPWKM telah melebihi sasaran dengan jumlah pendaftaran seramai 125, 067 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 98,619 peserta telah memperoleh manfaat daripada program bantuan bersasar ini, iaitu mendapat insentif khas berjumlah RM40 sebulan atau RM480 setahun. Bantuan bersasar kepada suri rumah ini berkesan dalam membantu meningkatkan simpanan suri rumah di hari tua atau ketika menghadapi kesusahan dan ditimpa musibah seperti perceraian, kematian suami, suami hilang upaya dan lain-lain.